

# Pensyarah KVL jalin kerjasama dengan UMSKAL

UB 10.4.2014 B14

LABUAN: Seramai 12 pensyarah Kolej Vokasional Labuan (KVL) mengadakan lawatan permuafakatan dengan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Rombongan KVL yang diketuai Pengarahnya Siti Muslihah Leeudinitubertujuan menjalin hubungan kerjasama dengan universiti berkenaan.

Katanya, ia juga untuk meninjau peluang bagi mendapatkan latihan untuk pensyarah KVL memantapkan pengajaran dan pembelajaran.

“Kami juga mahu meninjau peluang pelajar melanjutkan pelajaran dalam bidang perniagaan, pengurusan dan perbankan di UMSKAL,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan alu-aluan dan taklimat lawatan itu yang diadakan di Bilik Mesyuarat, Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (UPMK), Aras 1, Bangunan Menara UMSKAL.

Turut menyertai rombongan KVL ialah Timbalan Pengarah Akademik Awang Alik Saidik, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik Barawi Sapar dan Ketua Jabatan Pendidikan Umum Subramaniam a/l Birasamy.

Sementara UMSKAL diwakili Timbalan Pengarah Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal yang mewakili Pengarah Prof Madya Dr Ismail Ali.

Turut hadir Penolong Pendaftar Pentadbiran Sharon Tan, timbalan-timbalan



**GEOFFREY** (tiga kiri) menyampaikan cenderamata kepada Siti Muslihah diperhatikan pegawai kanan UMSKAL dan KVL.

dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) Rushdan Yaso dan Suddin Lada serta Timbalan Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL)

Ryan Andrias Macdonnel.

Hadir sama Penyelaras Pusat Penataran dan Ilmu Bahasa Dr Azri Ibrahim dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Sharifah Ismail.

KVL mempunyai 620 pelajar dan 82 pensyarah yang mengajar lapan program termasuk kimpalan, elektrik, elektronik, pengurusan perniagaan dan perbankan.

Siti Muslihah berkata, kunjungan itu juga mahu mendapatkan bimbingan dan maklumat untuk memantapkan pengurusan hal ehwal pelajar dan sukan serta kokurikulum.

Selain itu katanya, mereka turut meninjau peluang pelajar-pelajar KVL menyertai aktiviti termasuk sukan persahabatan.

“Pelajar KVL juga

berpeluang menjalani latihan di UMS Labuan dalam bidang berkaitan,” katanya.

Sementara itu, Geoffrey berkata pihaknya mengalu-alukan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi, sekolah dan organisasi termasuk KVL yang berada di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Katanya, pensyarah UMSKAL bersedia berkongsi ilmu dan pengalaman dalam bidang perniagaan dan sains informatik bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran di kolej berkenaan.

“Hubungan kerjasama dalam bidang akademik mampu memantapkan organisasi kedua-dua pihak. UMSKAL sangat mengalu-alukan perkongsian ilmu seperti itu,” katanya.



**GEOFFREY** (tiga kiri) dan Siti Muslihah (tiga kanan) merakam gambar kenangan selepas perbincangan permuafakatan di UMSKAL.